

**25. BINAAN-BINAAN YANG KURANG DARIPADA 50'-0" DARI SEMPADAN LOT SEBELAH LAUT**

Sekiranya sebarang binaan terletak kurang daripada 50'-0" dari sempadan Lot sebelah laut dan jika Majlis berpendapat bahawa kedudukan binaan sedemikian adalah kurang daripada 50'-0" dari sempadan Lot sebelah laut tidak akan mengganggu kemudahan-kemudahan rekreasi kawasan yang berkenaan, maka Majlis boleh membenarkan binaan-binaan itu tertakluk kepada pembayaran cagaran yang akan digunakan untuk membeli tanah sebelah laut untuk mendapatkan anjakan ke belakang yang dikehendaki jika pemohon gagal berbuat demikian atau untuk menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi yang dianggap sesuai oleh Majlis.

*(Diluluskan pada 26.4.84)*